

UCAPAN TIMBALAN PERDANA MENTERI DI
DALAM MAJLIS PERJUMPAAN PEGAWAI-
PEGAWAI RIDA PADA 23HB DISEMBER, 1960
DI KUALA LUMPUR ,

Tuan Pengerusi, Tuan-tuan dan Puan-puan sekalian,

Saya amat sukacita oleh sebab dapat peluang pada pagi ini bercakap dengan tuan-tuan dan puan-puan sebelum perjumpaan Lembaga ini dimulakan. Saya harap maaf jika saya bercakap risau sahaja di atas maksud-maksud yang saya hendak sampaikan kepada tuan-tuan sekalian ahli-ahli Lembaga ini kerana sudah tiga minggu persidangan Dewan Rakyat berjalan dan saya tidak lagi cukup nafas hendak bercakap penuh panjang.

Perkara yang saya hendak terangkan kepada tuan-tuan dan suka hendak mendapat persetujuan tuan-tuan sekalian ialah berkenaan dengan kedudukan jawatan-jawatan pegawai-pegawai—State Development Officer—di negeri-negeri di Persekutuan Tanah Melayu ini.

Tuan-tuan sekalian barangkali ingat pada masa melancarkan Rancangan Kemajuan Luar Bandar pada awal tahun ini, maka mustahaklah diadakan di tiap-tiap negeri seorang Pegawai Pentadbir yang kanan dan yang berkelayakan bagi menjalankan tugas-tugas sebagai Pegawai Kemajuan yang bertanggungjawab berkenaan hal-hal Pembangunan Luar Bandar di Negeri itu. Pegawai ini telah dilantik menjadi Setiausaha Jawatankuasa Kemajuan dalam Negeri dan menjadi perantaraan di antara Kerajaan Persekutuan dan Kerajaan Negeri dan juga menjadi wakil Kerajaan Persekutuan di Negeri itu untuk melaksanakan Rancangan-rancangan Pembangunan Luar Bandar, dan juga untuk menjalankan Dasar Kerajaan terhadap Pembangunan Luar Bandar. Oleh itu saya telah menggunakan Pegawai—State Development Officer—RIDA yang ada sekarang dan yang ada pada masa itu di mana-mana tempat ada jawatan M.C.S. Jawatan itu telah dinaikkan ke dalam tingkatan Superscale supaya dapat diisi oleh Pegawai yang sebenar-benarnya berkelayakan.

Langkah yang diambil ini ialah bagi sementara sahaja untuk menjalankan Rancangan Pembangunan Luar Bandar bagi permulaannya. Dan langkah ini telah mendatangkan hasil yang memberi puas hati dan lagi pada masa itu saya telah memikirkan yang RIDA ini mustahaklah mengambil bahagian-bahagian yang penting dalam Rancangan Pembangunan Luar Bandar ini dan mustahaklah pekerjaan-pekerjaan Pegawai-pegawai RIDA ini disatukan dengan pekerjaan-pekerjaan Kementerian Pembangunan Luar Bandar. Akan tetapi sekarang ini kita telah berjalan selama beberapa tahun dan apabila kita memandang ke hadapan saya yakin bahawa jika Rancangan Pembangunan Luar Bandar dilaksanakan dengan sempurna pada masa dua-tiga tahun yang akan datang, dan jentera pentadbiran Kementerian dengan menggunakan tenaga atau kuasa kuda (Horse Power) yang penuh, maka mustahaklah jawatan-jawatan State Development Officer ini dipindahkan daripada RIDA dan diarahkan di bawah jagaan Kementerian Pembangunan Luar Bandar dan bertanggungjawab terus kepada Kementerian. Kedudukan Pegawai-pegawai pada masa ini tidaklah memberi puas hati kerana mereka itu bertanggungjawab kepada dua badan, iaitu RIDA dan Kementerian Pembangunan Luar Bandar. Mereka itu terpaksa menjalankan dasar dan kehendak RIDA dan juga menjalankan Rancangan Kemajuan Perbincangan kita.

Oleh itu saya yang mencadangkan dan saya harap mendapat persetujuan tuan-tuan semua supaya Jawatan State Development Officer ini yang ada di dalam Establishment Malayan Civil Service dipindahkan ke bawah jagaan Kementerian dan untuk menjalankan pekerjaan RIDA hendaklah diadakan Majlis-majlis Negeri seorang Pegawai yang dinamakan State Rural Industrial Officer dan Pegawai ini akan bertanggungjawab terus kepada RIDA bagi menjalankan dasar dan pekerjaan-pekerjaan RIDA.

Seperti yang saya telah terangkan peri mustahaknya mempunyai seorang Pegawai yang kanan di tiap-tiap Negeri pada menjalankan Rancangan Pembangunan Luar Bandar Kebangsaan kita dan Pegawai ini bertanggungjawab bagi menjaga dan memperhatikan perjalanan segala rancangan-rancangan Pembangunan Luar Bandar di Negeri itu. Oleh itu mustahaklah Pegawai itu tidak akan menjadi beban dengan pekerjaan-pekerjaan Office atau Pejabat atau Routine Work supaya dapat mereka itu berjalan dan melawat serata tempat-tempat di Negeri itu, menjaga dan memer-

hatikan semua rancangan-rancangan kemajuan kita berjalan dengan memberi puas hati.

Sebaliknya perkara yang dikehendaki bagi membuat pekerjaan RIDA ialah seorang yang berlainan yang boleh diberi latihan dengan sempurna bagi menggalak dan memajukan perusahaan-perusahaan kampung (Rural Industrial Development) yang akan menjadi tanggungjawab RIDA yang penting sekali. Peraturan ini pada fikiran saya adalah lebih munasabah lagi memandang kepada kehidupan penduduk-penduduk dan dengan itu dapatlah RIDA mempunyai pegawai yang kanan dalam tiap-tiap negeri yang mempunyai pengalaman dan pengetahuan yang penuh di dalam perkara yang sebaik-baiknya menjadi tanggungjawab RIDA dan pegawai-pegawai itu ialah pegawai-pegawai RIDA dan bukan pegawai-pegawai M.C.S. dan mereka itu bolehlah digunakan mengikut kehendak Lembaga ini. Saya fikir lebih elok bagi RIDA mempunyai pegawai-pegawai sementara daripada menggunakan pegawai-pegawai yang dibawa dari tempat lain seperti pegawai M.C.S.

Berkenaan dengan dasar dan tugas yang saya kehendaki RIDA menjalankan setelah ditentukan dalam Directive dan saya telah beri kepada Lembaga ini dan saya suka bahawa tanggungjawab RIDA itu diubah sedikit daripada apa yang berlaku pada tiga tahun yang lalu. Sebelum Kementerian Pembangunan Luar Bandar diadakan RIDA adalah menjadi satu Pejabat Pembangunan Luar Bandar yang mempunyai banyak tanggungjawab dan tugas-tugas berkaitan dengan kemajuan di luar bandar. Sekarang kebanyakan daripada pekerjaan-pekerjaan ini sedang diambil oleh Kementerian Pembangunan Luar Bandar. Saya mencadangkan supaya pekerjaan RIDA itu dialihkan kepada pekerjaan-pekerjaan yang ditentukan kepada RIDA. Pada masa mula-mula ditubuhkan iaitu memaju dan menggalakkan perusahaan-perusahaan di luar bandar dan menggalakkan pasaran barang-barang dikeluarkan dari kawasan luar bandar. Pada fikiran saya inilah pekerjaan-pekerjaan yang sebenar-benar yang patut dijalankan oleh RIDA dan jika kita hendak meninggikan taraf hidup penduduk-penduduk di luar bandar. Inilah dua perkara diikuti dan mesti dijalankan:

- (1) Kita mesti menjaga supaya tiap-tiap penduduk di luar bandar itu mendapat hasil yang berpatutan daripada

perusahaannya. Perbuatan yang semacam ini bermakna-
lah hendak disediakan aliran pasaran yang baik bagi
barang-barang dikeluarkan dari tanahnya; dan

- (2) hendaklah diadakan dan galakkan perusahaan-perusahaan kecil supaya penduduk-penduduk di luar bandar itu dapat menggunakan masa mereka pada masa tiap-tiap pekerjaan di tanah masing-masing dan dengan ini dapatlah mereka itu menambahkan lagi mata pencarian dan meninggikan taraf hidupnya.

Saya faham yang saya mengetahui bahawa ada banyak perkara-perkara yang Lembaga ini boleh dan suka hendak menjalankan bagi faedah penduduk-penduduk di luar bandar. Akan tetapi jika kita berkehendakkan kejayaan dalam pekerjaan kita itu mustahaklah kita jayakan kerja itu satu persatu, tumpukan tenaga kita kepada pekerjaan itu dan selepas sempurnanya kejayaan ini baharulah kita membuat pekerjaan yang lain. Saya fikir untuk mencuba hendak membuat pekerjaan yang terlampau banyak itu tidak akan mendapat hasil yang sempurna kerana usaha dan tenaga itu terpaksa dipecah-pecah dan dibahagi-bahagikan. Akan tetapi jika kita buat pekerjaan itu satu pesatu, sudah tentu pekerjaan kita itu akan mendapat kejayaan.

Begitu juga dengan adanya perubahan-perubahan yang saya sebutkan itu mustahaklah kita (jentera RIDA) itu disemak dan diatur dengan sempurnanya. Tidak berapa bulan yang lalu saya telah menjemput seorang Pakar dalam hal ehwal perusahaan-perusahaan luar bandar, Dr Stepanek datang ke Tanah Melayu dan supaya dapat menolong menasihatkan kita cara-cara hendak membaiki perusahaan-perusahaan di luar bandar itu. Dr Stepanek telah menghantar penyatanya yang sangat berharga dan menurut penyata yang diberi itu saya telah melantik satu Jawatankuasa yang mengandungi Pegawai-pegawai daripada Kementerian Pembangunan Luar Bandar, Treasury dan Agriculture supaya dapat menyemak dan mengatur kedudukan jentera RIDA ini. RIDA **mustahak menjadi** satu pasukan hadapan di dalam serangan Pembangunan Luar Bandar kita. Oleh itu mustahaklah pasukan hadapan RIDA itu diserang dahulu dengan sempurnanya supaya dapat menjalankan serangan dengan mempunyai kejayaan yang penuh.

Saya berharap kepada **tuan-tuan** semua adalah **Lembaga** ini akan menumpukan tenaga kepada dua tugas yang saya sebutkan itu iaitu **memaju** dan **menggalakkan** perusahaan-perusahaan **kecil** di **luar** bandar dan membaiki pasaran barang-barang keluar dari **kawasan-kawasan** luar bandar. Dan apabila **telah** mendapat kejayaan dalam dua perkara ini bolehlah kita halakan tenaga Lembaga ini kepada pekerjaan-pekerjaan yang **lain** dan saya fikir mustahak bagi galakan dan kemajuan penduduk-penduduk di luar bandar.

Saya ucapkan kepada tuan-tuan semua selamat dalam **per-**sidangan ini dan berjaya dalam semua pekerjaan bagi membaiki keadaan hidup penduduk-penduduk di luar bandar. Saya yakin dan percaya jika tuan-tuan semua jalankan dasar dan tugas-tugas satu persatu dan tumpukan tenaga tuan-tuan kepada satu dua pekerjaan-pekerjaan sehingga mendapat **hasil** dan puas hati, **RIDA** akan dapat memenuhi tugasnya bagi membaikki keadaan hidup penduduk-penduduk di luar bandar. Dan saya sudah ucapkan saya ini dengan ucapan Selamat Tah'un Baharu dan selamat berjaya.